



**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP)
INSTRUMEN FUNGSIONAL GURU AKADEMIK**



KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN				ARAS PENILAIAN			
			PEGAWAI PENILAI BOLEH MENGGUNAKAN SATU ATAU LEBIH DARIPADA SATU KAEDAH PENILAIAN BERDASARKAN KESESUAIAN UNTUK MENINGKATKAN KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN PENILAIAN				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	LEMAH
			SEMAKAN BAHAN (A)	TEMU BUAL (B)	PENCERAPAN (C)	PEMERHATIAN (D)	4	3	2	1
D4	KEMAHIRAN PROFESIONAL PdP									
E1	PERANCANGAN PdP									
A1.1	PENGETAHUAN	<p>Keupayaan pegawai untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> menguasai isi kandungan bidang berkaitan seperti istilah, konsep dan prosedur menguasai pengetahuan pedagogi yang dinyatakan melalui teknik/ strategi penyampaian yang dirancang menunjukkan kepekaan terhadap ciri-ciri dan gaya pembelajaran murid menggabungkan/jalinkan pengetahuan pedagogi dengan isi kandungan dalam merancang PdP untuk penyampaian yang berkesan 	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Sukatan Pelajaran terkini Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) Rancangan Pelajaran Harian (RPH) Rancangan Pendidikan Individu-Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (RPI) buku panduan / manual yang berkaitan dengan kurikulum rekod pencapaian murid bagi kelas yang diajar dokumen lain yang sesuai 	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Apakah perubahan terbaharu Sukatan Pelajaran? Mengapakah strategi ini dipilih? Soalan-soalan lain yang sesuai 	Jika perlu	Jika perlu	<p>Menguasai isi kandungan dan teknik / strategi penyampaian bidang berkaitan serta menggabung-jalinkan dalam PdP yang dirancang dan menyesuaikan-nya dengan ciri-ciri dan gaya pembelajaran murid dalam merancang penyampaian yang berkesan.</p>	<p>Menguasai isi kandungan dan teknik / strategi penyampaian bidang berkaitan serta menggabung-jalinkan dalam PdP yang dirancang tetapi memerlukan bimbingan untuk menyesuaikan-nya dengan ciri-ciri dan gaya pembelajaran murid dalam merancang penyampaian yang berkesan.</p>	<p>Menguasai isi kandungan bidang berkaitan tetapi masih memerlukan bimbingan untuk menguasai teknik / strategi penyampaian.</p>	<p>Kurang Menguasai isi kandungan dalam bidang berkaitan dan sentiasa memerlukan bimbingan untuk menguasai teknik / strategi penyampaian.</p>



**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP)
INSTRUMEN FUNGSIONAL GURU AKADEMIK**



KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN				ARAS PENILAIAN			
			PEGAWAI PENILAI BOLEH MENGGUNAKAN SATU ATAU LEBIH DARIPADA SATU KAEDAH PENILAIAN BERDASARKAN KESESUAIAN UNTUK MENINGKATKAN KESAHAN DAN KEMAMPUAN PENILAIAN				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	LEMAH
			SEMAKAN BAHAN (A)	TEMU BUAL (B)	PENCERAPAN (C)	PEMERHATIAN (D)	4	3	2	1
A1.2	PERANCANGAN	<p>Keupayaan pegawai untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> merancang dan menyediakan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) mengikut prosedur yang ditetapkan merancang dan menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) mengikut prosedur yang ditetapkan memilih bahan bantu belajar menentukan strategi dan teknik pengajaran 	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) Rancangan Pelajaran Harian (RPH) Rancangan Pendidikan Individu-Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (RPI) Bahan Bantu Belajar Dokumen-dokumen lain yang berkaitan 	Jika perlu	Jika perlu	Jika perlu	<p>Merancang dan menyediakan RPT dan RPH mengikut prosedur yang ditetapkan serta dapat menentukan bahan bantu belajar/ sumber pendidikan, strategi dan teknik pengajaran yang relevan.</p>	<p>Merancang dan menyediakan RPT dan RPH mengikut prosedur yang ditetapkan serta dapat menentukan strategi dan teknik pengajaran yang relevan tetapi memerlukan bimbingan minimum dalam menentukan bahan bantu belajar.</p>	<p>Merancang dan menyediakan RPT dan RPH mengikut prosedur yang ditetapkan tetapi memerlukan bimbingan untuk menentukan bahan, strategi dan teknik pengajaran.</p>	<p>Memerlukan bimbingan kerana merancang dan menyediakan RPT atau RPH tetapi tidak mengikut prosedur yang ditetapkan.</p>
A1.3	PENGETAHUAN PENTAKSIRAN	<p>Keupayaan pegawai untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> membina item pentaksiran membuat analisis item membuat tindakan susulan menyediakan soalan secara berhierarki (mudah kepada sukar) berdasarkan satu teori bagi mengetahui kesediaan murid / pengetahuan sedia ada menganalisis keperluan murid berasaskan pengetahuan sedia ada murid 	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jadual Spesifikasi Ujian / Item item pentaksiran peraturan pemarkahan moderasi/penyelarasan pemarkahan analisis item dan data tindakan susulan 	Jika perlu	Jika perlu	Jika perlu	<p>Menggunakan pengetahuan pentaksiran untuk menyediakan soalan secara berhierarki, menganalisis kesediaan dan pengetahuan sedia ada murid serta menilai keperluan PdP dengan cemerlang.</p>	<p>Menggunakan pengetahuan pentaksiran untuk menyediakan soalan secara berhierarki, menganalisis kesediaan dan pengetahuan sedia ada murid serta menilai keperluan PdP dengan baik.</p>	<p>Kurang menggunakan pengetahuan pentaksiran untuk menyediakan soalan secara berhierarki, menganalisis kesediaan dan pengetahuan sedia ada murid serta menilai keperluan PdP.</p>	<p>Tidak menggunakan pengetahuan pentaksiran untuk menyediakan soalan secara berhierarki.</p>



**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP)
INSTRUMEN FUNGSIONAL GURU AKADEMIK**



KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN				ARAS PENILAIAN			
			PEGAWAI PENILAI BOLEH MENGGUNAKAN SATU ATAU LEBIH DARIPADA SATU KAEDAH PENILAIAN BERDASARKAN KESESUAIAN UNTUK MENINGKATKAN KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN PENILAIAN				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	LEMAH
			SEMAKAN BAHAN (A)	TEMU BUAL (B)	PENCERAPAN (C)	PEMERHATIAN (D)	4	3	2	1
			<ul style="list-style-type: none"> bank soalan contoh-contoh lain yang sesuai 							
E2	PELAKSANAAN PdP									
A2.1	PENYAMPAIAN	<p>Keupayaan pegawai untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> menyampaikan PdP yang berkesan mengikut langkah-langkah yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> set induksi penyampaian dan perkembangan rumusan refleksi mengawal kelas dan masa penyampaian 	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Buku Rekod Mengajar/ Dokumen Rekod Mengajar buku latihan buku / lembaran kerja Bahan bantu belajar/ sumber pendidikan contoh-contoh lain yang sesuai 	<p>Jika perlu</p>	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> pengurusan kelas / bilik darjah selamat, kondusif dan terkawal set induksi yang merangsang murid dan berkaitan dengan tajuk pelajaran penyampaian dan perkembangan PdP yang kreatif dan berkesan. cekap menguruskan masa 	<p>Jika perlu</p>	<p>Penyampaian PdP yang berkesan mengikut prosedur yang ditetapkan serta dapat mengawal kelas dan masa penyampaian.</p>	<p>Penyampaian PdP yang berkesan mengikut prosedur yang ditetapkan tetapi kurang dalam mengawal kelas dan masa penyampaian.</p>	<p>Penyampaian PdP yang mengikut prosedur yang ditetapkan tetapi kurang berkesan dalam pengawalan kelas dan masa penyampaian.</p>	<p>Penyampaian PdP tidak berkesan serta kurang dalam pengawalan kelas dan masa penyampaian.</p>



**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP)
INSTRUMEN FUNGSIONAL GURU AKADEMIK**



KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN				ARAS PENILAIAN			
			PEGAWAI PENILAI BOLEH MENGGUNAKAN SATU ATAU LEBIH DARIPADA SATU KAEDAH PENILAIAN BERDASARKAN KESESUAIAN UNTUK MENINGKATKAN KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN PENILAIAN				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	LEMAH
			SEMAKAN BAHAN (A)	TEMU BUAL (B)	PENCERAPAN (C)	PEMERHATIAN (D)	4	3	2	1
A2.2	PENGGUNAAN SUMBER PENDIDIKAN	<p>Keupayaan pegawai untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> memilih sumber pendidikan yang menarik, selamat dan berkesan menyediakan sumber pendidikan yang berkesan menggunakan sumber pendidikan yang berkesan 	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penggunaan TMK Penggunaan internet / multimedia Penggunaan buku / majalah / surat khabar dokumen lain yang sesuai 	Jika perlu	Jika perlu	Jika perlu	Memilih, menyediakan dan menggunakan sumber pendidikan yang menarik, selamat dan berkesan.	Memilih, menyediakan dan menggunakan sumber pendidikan yang menarik dan selamat tetapi kurang berkesan.	Memilih, menyediakan dan menggunakan sumber pendidikan yang kurang menarik dan kurang berkesan.	Menggunakan sumber pendidikan yang tidak menarik, dan tidak berkesan.
A2.3	KEMAHIRAN KOMUNIKASI	<p>Keupayaan pegawai untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> mendengar dan memberikan maklum balas yang relevan berkomunikasi dengan berkesan bagi menggalakkan tumpuan murid terhadap PdP menerapkan nilai-nilai murni dalam komunikasi 	Jika perlu	Jika perlu	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> menggunakan bahasa yang mudah difahami sebutan yang jelas nada dan intonasi yang sesuai menjadi pendengar yang baik berkomunikasi secara sopan contoh-contoh lain yang sesuai 	Jika perlu	Mendengar, memberikan maklum balas yang relevan, menggalakkan tumpuan murid dan interaksi murid secara aktif dalam pelbagai hala serta menerapkan nilai-nilai murni dalam komunikasi berkesan.	Mendengar, memberikan maklum balas yang relevan dan menggalakkan tumpuan murid terhadap PdP serta interaksi murid secara aktif dalam pelbagai hala.	Mendengar, memberikan maklum balas yang relevan dan menggalakkan tumpuan murid terhadap PdP tetapi memerlukan bimbingan untuk menggalakkan interaksi murid secara aktif dalam pelbagai hala.	Mendengar dan memberikan maklum balas yang relevan tetapi memerlukan bimbingan untuk menggalakkan tumpuan murid terhadap PdP serta interaksi murid secara aktif dalam pelbagai hala.



**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP)
INSTRUMEN FUNGSIONAL GURU AKADEMIK**



KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN				ARAS PENILAIAN			
			PEGAWAI PENILAI BOLEH MENGGUNAKAN SATU ATAU LEBIH DARIPADA SATU KAEDAH PENILAIAN BERDASARKAN KESESUAIAN UNTUK MENINGKATKAN KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN PENILAIAN				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	LEMAH
			SEMAKAN BAHAN (A)	TEMU BUAL (B)	PENCERAPAN (C)	PEMERHATIAN (D)	4	3	2	1
A2.4	TEKNIK PENYOALAN	<p>Keupayaan pegawai untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> mengemukakan soalan yang mampu mendorong minat serta pemikiran kritis dan kreatif mempelbagaikan teknik penyoalan yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman murid mempelbagaikan teknik penyoalan bagi menggalakkan murid berfikir 	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> kertas ujian soalan latihan kuiz contoh-contoh lain yang sesuai 	Jika perlu	Penilaian boleh dibuat semasa PdP	Jika perlu	<p>Mengemukakan soalan yang mampu mendorong minat, mempelbagaikan teknik penyoalan yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman dan menggalakkan murid berfikir kritis dan kreatif.</p>	<p>Mengemukakan soalan yang mampu mendorong minat, mempelbagaikan teknik penyoalan yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman murid dan menggalakkan murid berfikir.</p>	<p>Memerlukan bimbingan kerana kurang mempelbagaikan teknik penyoalan untuk meningkatkan pemahaman murid.</p>	<p>Memerlukan bimbingan kerana tidak menggunakan teknik penyoalan untuk meningkatkan pemahaman murid.</p>
A2.5	PENGLIBATAN DAN PENGUSAHAAN PEMBELAJARAN MURID	<p>Keupayaan pegawai untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> menggalakkan penglibatan murid dalam pembelajaran menggalakkan murid berinteraksi secara aktif dalam pelbagai hala semasa aktiviti PdP meningkatkan penguasaan murid dalam pembelajaran 	Jika perlu	Jika perlu	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> perbincangan memberikan respons terhadap soalan/ arahan guru membuat gerakan fizikal atau arahan- arahan lain daripada guru berinteraksi dalam pelbagai hala seperti murid dengan murid, murid dengan guru 	Jika perlu	<p>Murid dapat melibatkan diri dan berinteraksi secara aktif dalam pelbagai hala semasa aktiviti PdP dijalankan untuk mencapai objektif pembelajaran serta dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid.</p>	<p>Murid dapat melibatkan diri dan berinteraksi dalam pelbagai hala semasa aktiviti PdP dijalankan untuk mencapai objektif pembelajaran.</p>	<p>Murid kurang melibatkan diri dan berinteraksi dalam pelbagai hala semasa aktiviti PdP dijalankan.</p>	<p>Murid tidak melibatkan diri dan berinteraksi dalam pelbagai hala semasa aktiviti PdP dijalankan.</p>



**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP)
INSTRUMEN FUNGSIONAL GURU AKADEMIK**



KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN				ARAS PENILAIAN			
			PEGAWAI PENILAI BOLEH MENGGUNAKAN SATU ATAU LEBIH DARIPADA SATU KAEDAH PENILAIAN BERDASARKAN KESESUAIAN UNTUK MENINGKATKAN KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN PENILAIAN				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	LEMAH
			SEMAKAN BAHAN (A)	TEMU BUAL (B)	PENCERAPAN (C)	PEMERHATIAN (D)	4	3	2	1
					atau murid dengan bahan • contoh-contoh lain yang sesuai					
E3	PENTAKSIRAN PdP									
A3.1	PENILAIAN PRESTASI MURID	<p>Keupayaan pegawai untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> membuat penilaian bagi menentukan tahap pencapaian pembelajaran murid menggunakan kaedah yang sesuai untuk membuat penilaian membuat tindakan susulan setelah penilaian dijalankan 	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> hasil kerja murid kertas ujian buku latihan lembaran kerja data/ graf hasil penulisan jurnal / penulisan refleksi contoh-contoh lain yang sesuai 	Jika perlu	<p>Penilaian boleh dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> jawapan murid kuiz ujian/ peperiksaan/ pentaksiran pengayaan pemulihan contoh-contoh lain yang sesuai 	Jika perlu	<p>Membuat penilaian dengan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai bagi menentukan tahap pencapaian pembelajaran murid dan membuat tindakan susulan.</p>	<p>Membuat penilaian dengan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai bagi menentukan tahap pencapaian pembelajaran murid.</p>	<p>Membuat penilaian tetapi tidak mempelbagaikan kaedah bagi menentukan tahap pencapaian pembelajaran murid.</p>	<p>Kurang membuat penilaian dan tidak menggunakan kaedah yang sesuai bagi menentukan tahap pencapaian pembelajaran murid.</p>